

---

UUM ONLINE: Pelajar Persatuan Ekonomi (ECOSA), UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Kementerian Penerangan Malaysia akan cuba memecahkan rekod membina logo 1 Malaysia menggunakan duit syiling 10 sen di dataran Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) universiti ini mulai Jumaat ini.

Menurut pengarah projek Mohd Hafizi Ahmad, mereka akan cuba memecah rekod Malaysia Book of Record yang sebelum ini mempunyai ukur lilit panjang logo 19.8 meter dan lebar 12 meter.

Mohd Hafizi menambah lebih 2,000 pelajar akan terbabit untuk menyusun dan membina logo 1 Malaysia dengan duit syiling sebanyak 670,000 keping mulai 1 hingga 3 Oktober ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid dijangka meletakkan syiling pertama 1 Oktober ini sebelum pelajar lain menyusunnya dan Timbalan Menteri Penerangan II Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz dijangka meletakkan syiling terakhir pada logo 1 Malaysia tersebut pada 3 Oktober.

Mohd Hafizi berkata duit syiling yang dikumpul itu kemudiannya akan disumbangkan kepada beberapa badan kebajikan dan sebagai dana ECOSA.

"Kami berharap semua pihak terutama pelajar dan kakitangan universiti ini akan memberi sokongan bagi merealisasikan program yang bukan sahaja untuk mencipta sejarah namun dapat memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan", katanya lagi.

Dalam pada itu mereka yang ingin menghulurkan duit syiling sepuluh sen boleh menghubungi Pengarah Projek Mohd Hafizi Ahmad ditalian 0176633209 atau 0124554013.

Habis.